

# 4 syarikat minat perluas perniagaan di Malaysia

## Anwar sertai 11 tugas pada hari kedua di New York

**Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
madzaini@bh.com.my

**New York:** Baru-baru ini, Menteri Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI), Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Aziz, menyifatkan bossnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah 'Top Salesman' atau jurujual terbaik Malaysia kerana bekerja keras menjual jenama Malaysia, terutama menarik pelaburan ketika lawatan keluar negara.

Kelmarin, Anwar membuktikan kebenaran kenyataan Tengku Zafrul apabila menyertai 11 tugas yang diatur pada hari kedua beliau di New York.

Usaha Anwar menarik pelabur ke Malaysia dari sini, diteruskan dengan pertemuan bersama empat syarikat gergasi iaitu Google, Boeing, Medtronic dan Siemens Healthcare.

Selepas pertemuan itu, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, semua syarikat berkenaan menyatakan hasrat untuk mengembangkan operasi dan

perniagaan mereka di Malaysia.

Antara yang hadir Presiden dan Ketua Pegawai Kewangan Google, Ruth Porat; Presiden Boeing Global, Dr Brendan Nelson; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Medtronic, Geoff Martha serta Pengarah Urusan Global, Siemens Healthcare, Tisha Boatman.

Mesyuarat perniagaan itu diadakan secara berasingan sempena kehadiran Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-78 (UNGA) di sini.

Perbincangan turut disertai Tengku Zafrul; Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa; Menteri Luar, Datuk Seri Zambry Kadir serta wakil agensi dari MIDA dan Matrade.

Sebelum itu, seawal jam 8.30 pagi (malam di Malaysia), beliau diiringi Tengku Zafrul dan delegasi Malaysia, berjalan kaki kira-kira 15 minit dari hotel penginapan Conrad New York Midtown di 54th Street ke The Harvard Club of New York City dan Sofitel New York di 44th Street untuk sekali lagi menjadi jurujual.

Di Harvard Club, beliau mengadakan perbincangan meja bulat bersama 15 wakil syarikat terkemuka dalam Fortune 500, termasuk Airbnb, Amazon, Amazon Web Services, Boeing, ConocoPhillips dan Kimberly-Clark.

Di situ, beliau berkongsi Ke-



Anwar menyertai perbincangan meja bulat dengan wakil syarikat Fortune 500 di Harvard Club di New York, semalam. (Foto BERNAMA)

rangka Ekonomi MADANI yang disokong oleh Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara 2050 (NETR) serta Kajian Separuh Penggal RMK-12 yang akan menjadi panduan dalam mencapai matlamat pembangunan negara.

### Jadi destinasi pelaburan

Selepas perbincangan itu, Anwar berkata, beliau menghargai maklum balas positif dan input dikongsi oleh wakil syarikat berkenaan dan memberi jaminan Kerajaan Perpaduan akan memudahkan cara serta menggalak pelaburan dalam memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan pilihan.

Selepas itu, beliau beralih ke Sofitel untuk menghadiri Invest Malaysia New York anjuran Bursa Malaysia dengan tema Mengembalikan Malaysia Sebagai Peneraju di Asia.

Beliau menyampaikan ucapan dalam acara yang dihadiri pengurus dana dan wakil syarikat pasaran modal di AS serta berinteraksi dengan mereka dalam sesi soal jawab.

Memulakan ucapannya, Anwar berkongsi latar belakang Malaysia dengan kepelbagaian penduduk dan menyentuh mengenai ekonomi, politik dan kegagalan lampau pengurusan pentadbiran negara.

Katanya, beliau melaksanakan

transformasi pentadbiran dan ekonomi untuk meletakkan negara di landasan yang tepat dengan tumpuan mengembalikan ekonomi Malaysia seperti suatu ketika dahulu.

Beliau mempelawa pelabur antarabangsa datang ke Malaysia dan memberi jaminan transformasi yang dilaksanakan termasuk mewujudkan persekitaran mesra pelabur dan perniagaan.

Katanya, ia termasuk membetulkan kesilapan dasar dan tindakan masa lampau yang menyebabkan pembangunan dan kemajuan negara serta rakyat terjejas akibat penurunan purata pertumbuhan ekonomi.

Justeru, Perdana Menteri berkata beliau tiada pilihan kecuali melakukan penstrukturan semula terhadap Malaysia dengan tiga keutamaan - memperkukuh tadbir urus negara, menstruktur semula ekonomi dan membuka jalan bagi masa depan kita.

Anwar menjelaskan kestabilan politik yang ditambah transformasi dilaksanakan mula menampakkan kesan apabila pelabur mula menunjukkan minat, termasuk Infineon Technologies, dari Jerman yang bersetuju menambah AS\$5.4 bilion (RM25 bilion) dalam tempoh lima tahun akan datang untuk pembinaan kilang fabrikasi kuasa silikon karbida 200mm terbesar dunia, di Malaysia.

Kehadiran Tesla, selain Ama-

zon dan Infineon membuktikan mereka yakin dengan transformasi pentadbiran dan dasar ekonomi yang dilaksanakannya.

Beliau juga mengadakan jumpaan bersama ahli ekonomi terkenal yang juga pemenang Anugerah Peringatan Nobel dalam bidang ekonomi, Profesor Joseph Stiglitz, daripada Universiti Columbia.

Mereka bertukar-tukar pandangan berkaitan keperluan ekonomi negara membangun diberi peluang yang lebih saksama, khususnya dalam persekitaran ekonomi dunia yang semakin mencabar, selain berbincang mengenai strategi yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan membasmi kemiskinan.

Selain itu, Anwar turut menyertai tiga mesyuarat perniagaan secara berasingan, termasuk bersama Microsoft dan mesyuarat dua hala dengan Perdana Menteri Thailand, Strettha Thavisin dan Perdana Menteri Iraq, Mohammed Shia' Al Sudani.

Selain itu, sesi temu ramah oleh agensi media Bloomberg, dan bertemu Wakil Presiden Amerika Syarikat Untuk Cuaca, John Kerry yang juga bekas Setiausaha Negara,

Tugas jurujual terbaik Malaysia yang bermula jam 8 pagi pada hari kedua beliau di New York hanya berakhir jam 10.30.